

SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL FITRI DI INSKEP 2019 & MAJLIS JUNIOR OFFICER COURSE SIRI 6/19 GRADUATION NIGHT

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5106-sambutan-hari-raya-aidil-fitri-di-inskep-2019-majlis-junior-officer-course-siri-6-19-graduation-night

TANJUNG BUNGAH, 13 Jun 19 - Di Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2019 dan Majlis sambutan Junior Officer Course Siri 6/19 Graduation Night. Sambutan Hari Raya ini melibatkan penuntut kursus JOC Siri 6/19, para tetamu jemputan INSKEP, Staf INSKEP serta seisi keluarga.

Majlis dimulakan dengan Gimik perasmian yang dirasmikan oleh Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM dan turut serta dalam majlis tersebut adalah tetamu-tetamu jemputan serta warga INSKEP keseluruhannya. Seterusnya, tetamu jemputan INSKEP diberi kesempatan untuk menilai dan memberi markah bagi pertandingan hiasan gerai yang terdiri daripada 6 gerai yang dipertandingkan iaitu Gerai Latih, Gerai Cawang Tadbir, Gerai Kursus Joc 6/19, Gerai BAKAT INSKEP, Gerai Materiel & MT serta Gerai Provos.

Kenangan berhari raya bersama ini telah berjaya diabadikan dalam sesi bergambar yang telah melibatkan keseluruhan tetamu yang hadir sebelum menjamu selera dengan berkunjung ke gerai- gerai yang menyediakan menu-menu yang menarik seperti satay, kambing bakar dan lain- lain lagi. Pada masa yang sama, majlis diteruskan lagi dengan tayangan montaj oleh penuntut kursus JOC siri 6/19, persembahan busker, permainan serta persembahan tarian dan lakonan daripada penuntut kursus JOC Siri 6/19. Selain daripada sebagai satu usaha pihak pengurusan INSKEP untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama warga dan penduduk setempat, majlis ini juga adalah bagi memenuhi sesi latihan praktikal pengurusan majlis seperti termaktub dalam keperluan kurikulum kursus JOC.

Selain itu, diharapkan Majlis Sambutan Aidilfitri anjuran INSKEP bersama tetamu jemputan ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain, mewujudkan integrasi antara pelbagai kaum serta dalam masa yang sama dapat memanfaatkan masa yang ada untuk saling maaf bermaafan dalam kalangan anggota, pegawai serta hadirin yang hadir.



Para hadirin juga turut berpeluang menyaksikan persembahan bunga api yang ditaja dan dikelolakan oleh MPKK Tanjung Bungah yang telah mewarnai langit INSKEP yang sekaligus menyerikan lagi suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri kali ini.